

PEJABAT DAERAH KALABAKAN

BAYARAN PENUH DIBUAT BAGI KERJA YANG TIDAK SEMPURNA




OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Perolehan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

JUMLAH
SEMAKAN
RM1.74 Juta

RM



APA SEPATUTNYA



Bayaran sepenuhnya dibuat setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna.

APA YANG BERLAKU

Bayaran penuh dibuat bagi kerja yang tidak sempurna mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

PEMBAYARAN
TIDAK TERATUR
RM145,077



RUMUSAN AUDIT

Kurang pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan kerja tidak disiapkan dengan sempurna.

2 SYOR
AUDIT

PEJABAT DAERAH KALABAKAN

1. BAYARAN PENUH DIBUAT BAGI KERJA YANG TIDAK SEMPURNA

FAKTA UTAMA

22 Perolehan Bilangan Perolehan Kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2021	RM1.92 Juta Peruntukan pembangunan Kerajaan negeri yang diterima pada tahun 2021	RM1.89 Juta Perolehan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021
Jenis Perolehan	Perolehan kerja yang dilaksanakan mengikut kaedah sebut harga	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada tahun 2021, Pejabat Daerah Kalabakan (PDK) telah menerima peruntukan pembangunan Kerajaan negeri berjumlah RM1.92 juta. Peruntukan diterima daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah. Sejumlah RM1.89 juta (98.6%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan perolehan kerja melalui 22 sebut harga. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PDK BAGI TAHUN 2021

SUMBER PERUNTUKAN	PERUNTUKAN		PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BILANGAN SEBUT HARGA
	DITERIMA (RM)	BELANJA (RM)		
Kementerian Kewangan Negeri Sabah	1,610,000.00	1,601,114.60	99.4	13
Jabatan Ketua Menteri	285,000.00	267,480.00	93.8	7
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	20,000.00	20,000.00	100.0	2
JUMLAH	1,915,000.00	1,888,594.60	98.6	22

Sumber: Pejabat Daerah Kalabakan

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan kerja di PDK dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan dengan menumpukan kepada pengurusan perolehan kerja menggunakan sumber peruntukan pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2021. Pengauditan meliputi proses perolehan, pelaksanaan dan prosedur bayaran.

3.2. Semakan telah dibuat terhadap 14 sebut harga (63.6%) bernilai RM1.74 juta daripada 22 sebut harga perolehan kerja tahun 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh bagi mengukuhkan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga April 2022. Maklum balas daripada PDK telah diterima pada 27 Mei 2022 dan 1 September 2022 serta Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 5 Julai 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Bayaran Penuh Dibuat bagi Kerja yang Tidak Sempurna

4.1.1. Perkara 13 (Lampiran A), Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (SPK) Bil. 18 Tahun 2009 menetapkan bahawa bayaran sepenuhnya hanya akan dibuat setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Perkara 3.1 (Lampiran A2), SPK Bil. 18 Tahun 2009 juga menyatakan bahawa kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan, butiran kerja dalam ringkasan sebut harga dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **pembayaran penuh telah dibuat bagi lima perolehan kerja yang tidak disempurnakan sepenuhnya melibatkan kerja-kerja jalan dan jeti. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah berbeza dengan spesifikasi yang ditetapkan dan menyebabkan pembayaran tidak teratur berjumlah RM145,077.**

4.1.3. Keadaan ini berlaku kerana senarai kuantiti tidak disediakan dengan tepat, kurang pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan pengesahan kerja tidak dibuat dengan teliti oleh PDK. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Gambar 1** hingga 9.

JADUAL 2
BAYARAN PENUH DIBUAT BAGI KERJA YANG TIDAK SEMPURNA

BIL.	PERIHAL/KOS PROJEK (RM)/ TARIKH SIAP/ TARIKH BAYARAN	NO. PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB)	SENARAI KUANTITI		PENEMUAN AUDIT		
			PERKARA	JUMLAH (RM) (a)	PERKARA	JUMLAH (RM) (b)	NILAI KERJA YANG TIDAK SEMPURNA (RM) (c) = (a)-(b)
1.	Menaiktaraf Jalan Gravel Pangkalan Nelayan Kampung Sungai Tuda/ RM100,000/ 27.07.2021/ 04.10.2021	0120150513-SB163355	Ukuran jalan 1,500m x 3.5m	68,250	Ukuran jalan 150m x 3.5m (Gambar 1 dan Gambar 2)	6,825	61,425
2.	Selenggara Jalan Gravel di Kampung Atur Maju/ RM135,000/ 19.10.2021/ 06.10.2021	0120171206-SB006485	Panjang jalan 1,500 m	52,500	Panjang jalan 1,350m (Gambar 3 dan Gambar 4)	47,250	5,250
3.	Menaiktaraf Jalan Gravel ke Jalan Konkrit di Jalan Kampung Rancangan Kalabakan ke Jeti Nelayan/ RM120,000/ 17.11.2021/ 09.12.2021	0120200925-SB056537	Ukuran jalan 60m x 4.5m	79,650	Ukuran jalan 60m x 3.2m (Gambar 5 dan Gambar 6)	56,640	23,010
4.	Mombaipulih Jeti Nelayan di tepi Sungai Kampung Rancangan Kalabakan/ RM69,800/ 21.10.2021/ 01.12.2021	0120201023-SB059164	Perimeter lantai jambatan menggunakan kayu berukuran 1' x 6' adalah 125m	20,000	Perimeter 24m (Gambar 7)	3,840	16,160
			Lantai jambatan menggunakan kayu berukuran 2' x 6' adalah 250 m	10,000	Kayu berukuran 2' x 6' tidak dibekalkan	0.00	10,000
5.	Membina Jeti dan Jambatan Konkrit di Kampung Sungai Tuda Lama/ RM49,790/ 27.10.2021/ 09.12.2021	0120151021-SB166709	Kerja-kerja menyimen/konkrit jeti termasuk membina anak-anak tangga dengan satu lapisan BRC berkeluasan 140m ²	34,979	Anak-anak tangga berkeluasan 23 m ² (Gambar 8) dan (Gambar 9)	5,747	29,232
JUMLAH				265,379		120,302	145,077

Sumber: Pejabat Daerah Kalabakan

**GAMBAR 1
(SEBELUM)**



Pangkalan Nelayan Kampung Sungai Tuda
- Panjang Jalan yang Dibina Adalah 150m Sahaja Berbanding 1,500m yang Ditetapkan Iaitu Kurang Sebanyak 1350m
(23.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2
(SELEPAS)**



Pangkalan Nelayan Kampung Sungai Tuda
- Panjang Jalan Telah Ditambah Sebanyak 1,390m Daripada Panjang Asal
(16.08.2022)
(Sumber: Pejabat Daerah Kalabakan)

**GAMBAR 3
(SEBELUM)**



Kampung Atur Maju
- Panjang Jalan yang Dibina Adalah 1350m Sahaja Berbanding 1,500m yang Ditetapkan Iaitu Kurang Sebanyak 150m
(23.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4
(SELEPAS)**



Kampung Atur Maju
- Panjang Jalan Telah Ditambah Sebanyak 150m Daripada Panjang Asal
(08.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5
(SEBELUM)**




Jalan Kampung Rancangan Kalabakan ke Jeti Nelayan
- Lebar Jalan yang Dibina Adalah 3.2m Berbanding 4.5m yang Ditetapkan Iaitu Kurang Sebanyak 1.3m
(23.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6
(SELEPAS)**



Jalan Kampung Rancangan Kalabakan ke Jeti Nelayan
- Lebar Jalan Telah Dibina Sebanyak 4.5m
(08.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 7


Sungai Kampung Rancangan Kalabakan
 - Perimeter Lantai Jambatan yang Dibina Adalah 24m
 Berbanding 125m yang Ditetapkan iaitu Kurang 101m
 (23.01.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8
 (SEBELUM)**



Kampung Sungai Tuda Lama
 - Luas Lantai Jeti yang Dibina Adalah 23m² Berbanding
 140m² yang Ditetapkan iaitu Kurang 117m²
 (23.01.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9
 (SELEPAS)**



Kampung Sungai Tuda Lama
 - Luas Lantai Jeti Telah Dibina Sebanyak 141m²
 (18.10.2022)
 (Sumber: Pejabat Daerah Kalabakan)

Maklum Balas PDK pada 1 September 2022

- i. Menaiktaraf Jalan Gravel Pangkalan Nelayan Kampung Sungai Tuda:
 Kontraktor telah menyiapkan baki kerja selepas teguran Audit.
- ii. Selenggara Jalan Gravel di Kampung Atur Maju:
 Pihak kontraktor telah menyiapkan baki 150m selepas teguran Audit.
- iii. Menaiktaraf Jalan Gravel ke Jalan Konkrit di Jalan Kampung Rancangan Kalabakan ke
 Jeti Nelayan:
 Pihak Kontraktor telah menyiapkan lebar jalan kepada 4.5m selepas teguran Audit.
- iv. Membaikpulih Jeti Nelayan di tepi Sungai Kampung Rancangan Kalabakan:
 Pihak PDK telah menerima pembayaran berjumlah RM26,160 daripada pihak
 kontraktor bagi butiran kerja yang tidak dilaksanakan selepas teguran Audit.
- v. Membina Jeti dan Jambatan Konkrit di Kampung Sungai Tuda Lama:
 Pihak Kontraktor dalam proses menyiapkan kerja-kerja selepas teguran Audit.

Maklum Balas PDK pada 18 Oktober 2022

- i. Membina Jeti dan Jambatan Konkrit di Kampung Sungai Tuda Lama:
Kerja-kerja penambahbaikan telah siap sepenuhnya selepas teguran Audit.

Pernyataan
Audit

Pengesahan dan pembayaran projek yang tidak mengikut spesifikasi
adalah pembayaran yang tidak wajar dan merugikan Kerajaan.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dirumuskan bahawa kurangnya pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan kerja tidak disiapkan dengan sempurna.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan kerja dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan, PDK disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

- 6.1. memastikan tatacara/peraturan kewangan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi dalam aspek perolehan; dan
- 6.2. meningkatkan keberkesanan mekanisma pemantauan dan pengesahan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.